



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 13 DISEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	HARGA BARANG NAIK : PERANCANGAN ATAU KEBETULAN, WAWANCARA, HAKAKAH-H9 HPPNK DIADAKAN SECARA HIBRID DENGAN SOP KETAT, SH-ONLINE PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA SAMPAI KE BERA, MALAYSIA GAZETTE-ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4.	PENGUSAHA DIARAH KOSONGKAN REBAN, NEGARA, KOSMO-16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
5.	MADA PERLIS AMBIL LANGKAH ATASI MASALAH PESAWAH, UTARA, HAKAKAH-H16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
6. 7. 8.	AGROBANK TAWAR KEMUDAHAN BIAYAI PERTANIAN BANDAR, BISNES, BH-37 AGROBANK READY TO AID RECOVERY EFFORTS, NEWS/BUSINESS, NST-19 LIMA INISIATIF UTAMA AGROBANK, BISNES, HM-24	AGROBANK
9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17.	BANTU 250,000 LEPASAN SPM YANG TERCICIR CARI KERJA, DALAM NEGERI, UM-8 SERAGAM HARGA, PANTAU BEKALAN BARANGAN, DALAM NEGERI, UM-12 BERNIAGA SECARA PERCUMA DI PLATINUM MALL, NASIONAL, SH-34 LAKSANA PELBAGAI PROGRAM KURANGKAN BEBAN RAKYAT, NASIONAL, BH-2 PERINTIS PEMASARAN HASIL TANI TINGKAT PENDAPATAN PETANI, NEGARA, KOSMO-34 LIMA DAERAH BAHARU DIWUJUDKAN, NEGARA, KOSMO-6 USAHAWAN TANI MANFAAT KELEBIHAN DRON, SELANGOR, HAKAKAH-6 TIGA SISWAZAH JUAL SAYUR BANTU PETANI, MASYARAKAT, USAHA NIAGA, HAKAKAH-26 HARGA BROKOLI TURUN, TERUNG NAIK, SUARA PERAK-ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

13/12/2021

HARAKAH

WAWANCARA

H9

Harga barang naik: Perancangan atau kebetulan

BADZLI: Kita lihat harga barangan keperluan pada masa kini di negara kita semakin meningkat dan membebaskan rakyat terutama golongan marhaen. Apakah punca yang menyebabkan harga-barangan naik?

ZAWAWI: Topik yang diperbincangkan ini merupakan satu topik yang sangat hangat diperkatakan di mana-mana lalu berkenaan dengan kenaikan harga barangan yang berlaku di dalam negara kita dan tidak terkecuali ianya melanda dunia secara umumnya. Punca sebenar sebagaimana yang kita semua sedia maklum bahawa kenaikan harga barang berpunca daripada kenaikan harga barang asas yang membabitkan kehidupan manusia, kehidupan haiwan dan tumbuh-tumbuhan atau sayur-sayuran.

Kenaikan ini yang membabitkan unggas, binatang ternakan menyebabkan harga makanan-makanan lembu, ayam, kambing dan sebagainya melambung naik. Begitu juga dengan sayur-sayuran dan buah-buahan melambung naik. Semua ini berpunca daripada bahan-bahan asas yang digunakan seperti baja, racun dan sebagainya. Begitu juga, kenaikan harga daging di pasaran berpunca daripada makanan ternakan yang melambung naik di peringkat antarabangsa dan tidak terkecuali melanda di negara kita.

Tidak ada siapa yang boleh menafikan bahawa kenaikan harga barang ini berpunca daripada berlakunya pandemik Covid-19 yang melanda dunia. Apabila berlakunya pandemik Covid-19, banyak industri-industri terpaksa ditutup. Tidak terkecuali industri-industri besar di luar negara seperti yang berlaku di negara China. Industri yang membabitkan pengeluaran racun dan baja. Ekoran pandemik Covid-19, menyebabkan pengeluaran bahan-bahan mentah seperti ini terbantut menyebabkan barangan ini menjadi sangat berkurangan di pasaran dunia.

Begitu juga bagi negara pengeluaran jagung contohnya, yang dihasilkan untuk membuat makanan kepada ternakan ayam, lembu, kambing dan sebagainya. Pengeluaran jagung daripada Negara Brazil, Republik Chile dan lain-lain lagi dikatakan telah dihadkan pengeluarannya. Majlis-majlis di sana telah menghadkan pengambilan pekerja untuk menja-

ga hubungan contacts rapat antara seorang pekerja dengan para pekerja yang lain. Kita semua maklum bahawa penjagaan nyawa seseorang lagi penting daripada sebarangnya.

Apabila perkara ini semakin ketara berlaku, kekurangan bahan mentah untuk makanan ternakan dan bahan mentah untuk tanaman-tanaman maka pastinya ia melambung naik kerana permintaan tinggi tetapi, barangan ini tidak banyak wujud di negara-negara pengeksport bahan-bahan ini. Saya yang mewakili pihak kerajaan, mengharapkan supaya rakyat di dalam negara kita bersabar seketika, kerana kenaikan harga barangan ini tiada siapa yang mahu. Pihak kerajaan telah bertungkus-lumus untuk memastikan harga barangan ini, jika berlaku kenaikan sekali pun pada kadar yang paling minimum. Itu adalah hasrat daripada pihak kerajaan.

Alhamdulillah, kerajaan di dalam negara kita pada masa ini masih lagi mempunyai kemampuan yang agak baik berbanding negara-negara luar, di mana kerajaan kita telah meluluskan peruntukkan kepada agensi-agensi kerajaan yang terlibat dengan negara-negara pengeksport bahan-bahan mentah ke negara kita. Kerajaan telah meluluskan subsidi untuk barangan yang diimport dan dari masa ke semasa harga barangan tersebut akan turun.

Contohnya, kerajaan telah memberikan subsidi kepada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (MAFAS). Kerajaan memperuntukkan bantuan berjumlah RM652 juta sebagai tindakan awal bagi membantu peladang yang terjejas susulan kenaikan harga baja dan racun. Namun begitu, agensi-agensi lain juga turut diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

BADZLI: Isu kenaikan harga ini pasti bukan sahaja memberi kesan kepada para pengguna, tetapi juga kepada seluruh yang berada dalam ekosistem atau rantaian pembekal makanan. Bagaimanakah situasi ini di peringkat para peniaga dan pembekal makanan di negara kita pada masa sekarang?

MAZLINA: Pada pendapat saya, tidak ada benda yang kebetulan. Sebenarnya ia merupakan perancangan. Dalam perancangan terbahagi kepada dua iaitu pe-

Susunan oleh NORHANA MAT ZIN

Isu kenaikan harga barangan terutama barangan mentah menjadi antara topik yang hangat diperkatakan hari ini. Sememangnya kenaikan harga barangan keperluan ini sangat mengejutkan. Sesi wawancara bersama Moderator BADZLI BAKAR dengan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, DATO' DR NIK MUHAMMAD ZAWAWI SALLEH dan Pengarah Urusan Bismi Empira Sdn Bhd, HAJAH MAZLINA KAMARUDDIN mengulas isu hangat ini.



rancangan baik dan perancangan peniaga kita mesti merancang. Sebab kalau kita lihat perakuan, daripada bulan Januari hingga bulan Disember, kita perlu merancang untuk membuat keuntungan. Tujuannya kita perlu menunaikan tanggungjawab kepada pihak kerajaan iaitu perlu membuat pembayaran cukai dan zakat.

Oleh itu, kita perlu memastikan perniagaan yang kita buat memperoleh keuntungan. Tambahan pengusahaan Ayam Bismi sendiri mempunyai rumah makan percuma. Kami menyediakan makan percuma kepada 400 orang sehari iaitu memberikan nasi, bersama lauk ayam secara percuma. Jadi kita berniaga tiap-tiap hari perlu dapatkan keuntungan.

Kalau tuan moderator bertanyakan soalan kepada saya mengenai harga barangan naik. Saya akan fokuskan kepada harga ayam. Saya telah terlibat dengan suami dalam Perusahaan Ayam Bismi, lebih 33 tahun yang lalu. Perusahaan Ayam Bismi telah ditubuhkan pada tahun 1988. Kenapa harga ayam naik? Kita lihat dedak ayam iaitu makanan ayam yang beratnya 50 kilogram telah naik harganya daripada RM80 kepada harga RM120 sekarang. Harga makanan ayam naik disebabkan kos bahan mentah menghasilkan makanan ayam naik seperti, harga soya, jagung naik, minyak sawit dan lain-lain lagi. Minyak sawit merupakan salah satu bahan yang digunakan dalam menghasilkan makanan ayam.

Selain itu, kos pengangkutan, insurans dan sebagainya juga meningkat. Kenaikan harga dedak atau makanan ayam adalah 50 peratus. Namun begitu, pada masa harga makanan ayam pada harga RM80, harga ayam hidup yang dijual adalah pada harga RM5

sekologram. Kenaikan dedak atau makanan ayam kepada RM120, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pada hari ini telah menetapkan harga jualan ayam hidup dinaikkan kepada RM6.20 sekilogram.

Kenaikan harga ayam adalah 24 peratus sahaja berbanding dengan kenaikan 50 peratus untuk dedak atau makanan ayam. Sebagai pengusaha ayam, suka atau tidak dengan harga yang ditetapkan oleh kementerian tersebut, ayam tetap diberikan makan dedak atau makanan ayam untuk tumbesaran nya. Dalam komersial, Perusahaan ternakan Ayam Bismi, satu juta ekor telah diberikan makanan dedak atau makanan ayam sahaja walaupun ada cadangan-cadangan daripada pihak luar mencadangkan agar memberikan ayam ternakan makan sayur-sayuran terbuang dan sebagainya.

Begitu juga untuk kenaikan ke atas ubat-ubatan, vitamin, kenaikan ke atas pekerja. Pada masa sekarang, tenaga kerja berkurangan. Oleh itu, Perusahaan Ayam Bismi telah mengambil tenaga kerja tempatan. Menurut Puan Hajah Mazlina, pengambilan tenaga buruh tempatan dalam satu-satu masa adalah seramai 50 orang berbanding tenaga buruh asing adalah seramai 30 orang. Ini kerana, pengambil tenaga buruh tempatan melebihi warga asing disebabkan buruh tempatan dikatakan banyak komitmen untuk hal-hal kematian, menghadiri kenduri dan sebagainya. Kalau tenaga asing yang digunakan, mereka dikatakan tidak mempunyai komitmen luar.

Mereka akan fokuskan kepada kerja di ladang semata-mata. Apabila kita menggunakan tenaga kerja tempatan, kos pembayaran gaji perlu dinaikkan. Rakyat di luar sana juga maklum

mengenai kenaikan harga besi, paku, skru, kayu dan sebagainya. Kenaikan bahan-bahan seperti ini menyebabkan harga pembekal ladang ayam meningkat. Secara tidak langsung, harga ayam terpaksa dinaikkan.

BADZLI: Apakah peranan Kumpulan Dokumen Hijau dalam memberi cadangan kepada PAS Pusat dalam menangani masalah ekonomi dalam negara?

ZAWAWI: Sememangnya tidak ada siapa yang inginkan perniagaan, harga barangan melambung tinggi. Dalam konteks kenaikan harga barang di dalam negara kita pada masa ini, jika kita bandingkan dengan buku Dokumen Hijau yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan mengenai harga barangan, memang kita semua tidak seronok. Apa yang berlaku pada masa ini adalah di peringkat antarabangsa.

Kalau dilihat di dalam Facebook, WhatsApp, Twitter dan media sosial lain, ada pihak yang tidak bertanggunjawab. Mereka meleterkan harga yang tidak masuk akal dibandingkan dengan harga sebenar sesuatu barangan. Keadaan ini menyebabkan ada segelintir pihak yang mempercayal kenaikan harga barangan tersebut. Bagi pihak kerajaan, kerajaan telah memberikan peruntukan subsidi kepada beberapa barangan yang dianggap menjadi keperluan kepada rakyat di Malaysia. Kerajaan tidak mahu rakyat ini berada dalam situasi mengejutkan.

Pihak kerajaan telah mengadakan Program Jualan Keluarga Malaysia untuk mengantikan kos sara hidup rakyat yang akan diteruskan di seluruh negara sehingga isu kenaikan harga selesai. Kita lihat setiap Parlimen akan mempunyai program jualan itu yang menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian seperti ayam, ikan, telur, sayur-sayuran, minyak masak, gula, tepung, beras serta barangan proses dengan harga sehingga 20 hingga 50 peratus lebih rendah daripada harga pasaran setempat. Pihak kerajaan menyedari isu kenaikan harga yang dihadapi rakyat dan berusaha untuk membantu dengan mengadakan program seperti ini.

BADZLI: Ada segelintir pihak yang mengatakan kenaikan harga barang dise-

babkan oleh manipulasi harga yang diwujudkan oleh pihak orang tengah yang sengaja memanipulasikan situasi yang berlaku?

MAZLINA: Pertama sekali, kita kena tahu siapakah orang tengah? Saya bercakap tentang ayam. Macam perusahaan ternakan Ayam Bismi, kita sudah ada pelanggan tetap. Bagi sejuta ekor ayam yang dikeluarkan, separuhnya adalah diambil oleh Ayam MAS untuk rangkaian KFC. Separuh lagi, ada penjual yang tak kap sendiri di ladang dan mereka akan memproseskan ayam tersebut atau ada yang pihak Perusahaan Ayam Bismi membawa keluar ayam-ayam ke kilang dan kita jual kepada re-seller dan seterusnya jual di pasaran.

Kalau dalam isu kenaikan harga ayam yang melambung tinggi pada masa sekarang bukan disebabkan oleh manipulasi orang tengah. Bagi pandangan saya, bagaimana kita hendak kurangkan harga dedak atau makanan ayam. Apabila harga dedak dikurangkan, maka secara tidak langsung harga ayam di pasaran juga akan dikurangkan. Kalau kita lihat, pada masa sekarang orang tidak berani masuk ke ayam di ladang kerana harga dedak, ubat-ubatan dan vitamin yang mahal, tetapi bila kita hendak jual ayam mesti tertakluk kepada harga yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Saya faham bahawa peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) adalah untuk menghalang manipulasi orang tengah.

Di sini saya ingin beri sedikit penerangan, harga ayam hidup yang dihantar kepada pengilang adalah RM6.70 sekilogram. Jadi, dipenarkan jual borong dengan harga RM3 dan seterusnya akan dijual pada harga RM9.30 sekilogram oleh peniaga runcit. Kita ambil analogi harga seekor ayam: Bagi seekor ayam yang beratnya 2 kilogram didarabkan dengan RM6.70 bersamaan dengan RM12.40 iaitu harga belian sekor ayam. Apabila ayam hidup siap diproses, ayam akan susut 18 peratus iaitu tinggal 1.65 kilogram. Pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Sambung muka 8 >>

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/12/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	-

HPPNK 2021 DIADAKAN SECARA HIBRID DENGAN SOP KETAT



Ronald Kiandee

KUALA LUMPUR - Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2021 akan diadakan secara hibrid bermula 21 hingga 23 Disember ini di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) dengan mengikut prosedur operasi standard (SOP) ketat.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, HPPNK 2021 akan mengetengahkan teknologi-teknologi baru dalam sektor hidro makanan.

"HPPNK 2021 akan menghadkan jumlah pengunjung secara fizikal ke WTCKL bagi mematuhi arahan Kementerian Kesihatan (KKM)," katanya kepada pemberita di reruai Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) sempena 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini pada Ahad.

Beliau berkata, 13 agensi kerajaan dan sektor swasta serta usahawan daripada sektor hidromakanan akan memeriahkan program dwitahunan tersebut.

Sebelum ini, HPPNK 2019 mendapat sambutan menggalakkan daripada pengunjung tempatan dan Singapura sepanjang empat hari penganjurannya di Angsana Johor Bahru Mall, Johor bermula 28 November.

Sementara itu, mengulas mengenai sambutan orang ramai terhadap jualan MAFI, Ronald berkata, jualan produk “Phewiiit!” yang berkolaboratif bersama selebriti terkenal Amy Search adalah yang paling laris sepanjang empat hari pengajuran.

Menurutnya, produk berkenaan yang mengetengahkan kopi dan nanas itu mendapat bimbingan daripada usahawan MAFI sendiri. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/12/2021	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	-

PROGRAM JUALAN KELUARGA MALAYSIA SAMPAI KE BERA

By Syahira Yahya - 12 December 2021



Datuk Seri Ismail Sabri pada Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di Econsave Bera, Pahang hari ini.

BERA – Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) yang melibatkan 222 lokasi sampai di Bera, hari ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata, program diteruskan sehingga Mac 2022 sebagai inisiatif Kerajaan untuk membantu meringankan kos sara hidup rakyat terutama mereka dalam kalangan berpendapatan rendah.

“Program ini merupakan kerjasama di antara KPDNHEP, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) serta agensi-agensi di bawahnya dalam menangani situasi kenaikan harga barangan yang melanda dunia dan Malaysia.

“Program ini juga dirancang untuk dilaksanakan dua kali sebulan untuk tempoh tiga bulan bermula 4 Disember 2021 hingga Mac 2022 merangkumi kesemua 222 kawasan parlimen di lokasi-lokasi yang akan ditentukan dan diumumkan kelak,” katanya menerusi kenyataan.

Beliau yang merupakan Ahli Parlimen Bera hadir pada walkabout Program Jualan Keluarga kendalian Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Pahang.

Terdahulu, program yang bermula 4 Disember lalu menawarkan pilihan kepada pengguna untuk mendapatkan pelbagai barangan keperluan harian pada harga yang lebih rendah sehingga 20% daripada harga pasaran setempat.

Dalam pada itu, KPDNHEP Pahang dalam satu kenyataan mengingatkan peniaga agar sentiasa beretika mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan kerajaan.

Menurutnya, rakyat perlu bersabar dan terus bersama kerajaan pada waktu sukar yang luar biasa ini yang turut melanda dan memberi kesan kepada rantai bekalan dunia dan negara.

Tambahnya, pegawai penguatkuasa KPDNHEP akan terus melaksanakan pemantauan dan pemeriksaan bagi memastikan bekalan sentiasa stabil dan tiada elemen pencatutan dalam pasaran. – MalaysiaGazette

13/12/2021

KOSMO

NEGARA

16

Jabatan Perkhidmatan Veterinar arah kerja pembersihan dilakukan untuk hapus lalat

Pengusaha diarah kosongkan reban

Oleh **ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN**

BENTONG - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pahang mengarahkan pengusaha ladang ternakan ayam di Kampung Lembah Jaya di sini, yang dipercayai menjadi punca kepada masalah serangan lalat di kampung berkenaan supaya mengosongkan reban mereka dengan segera.

Pengarah JPV Pahang, Dr. Kamaliah Ghazali berkata, pengusaha terbabit diberi masa dua bulan untuk berbuat demikian bagi membolehkan kerja-kerja pembersihan dijalankan sepanjang tempoh tersebut.

Dalam tempoh tersebut, pengusaha ladang ternakan ayam perlu membuat kerja-kerja pembersihan dan tindakan un-



KERATAN KOSMO! Sabtu 11 Disember 2021.

tuk memastikan tiada lalat dalam kawasan premis berkenaan.

"Sekiranya gagal mengikut arahan yang telah ditetapkan, kita boleh mengeluarkan kompaun mengikut kesalahan dinatal pasti dan mengambil tindakan untuk tidak memperbaharui lesen," katanya.

Beliau berkata demikian selepas melakukan tinjauan di la-



KAMALIAH

dang ternakan ayam di Kampung Lembah Jaya semalam.

Turut hadir Ahli Majlis Perbandaran Bentong, Datuk Seri

Johari Harun.

Kelmarin Kosmo! melaporkan nikmat kehidupan dan ketenangan tinggal di kampung kini tidak lagi dirasai oleh kira-kira 300 penduduk di Kampung Lembah Jaya gara-gara serangan lalat sejak dua tahun lalu.

Akibat serangan serangga tersebut, kira-kira 60 buah rumah di kampung yang terletak di Simpang Pelangai itu terpaksa ditutup 24 jam sekali gus menjadi seperti sebuah perkampungan kosong.

Masalah lalat yang dihadapi penduduk dipercayai berpunca dari ladang ternakan ayam.

Merengas lanjut, Kamaliah memberitahu, pihaknya akan terus melakukan pemantauan di ladang ternakan ayam berkenaan dari semasa ke semasa bagi

memastikan pengusaha mengikut arahan diberikan dan melaksanakan tindakan yang telah digariskan.

Justeru katanya, dalam tempoh dua bulan, pengusaha terbabit perlu membersihkan kawasan reban dan memastikan tidak ada tempat-tempat pembiakan lalat.

Diminta mengulas mengenai punca kewujudan lalat yang luar biasa, Kamaliah menjelaskan, keadaan itu adalah disebabkan tempoh pemeliharaan ayam yang lebih lama berbanding kebiasaan iaitu 35 hari menyebabkan kita-
ran lalat tidak berhenti.

"Kitaran lalat biasanya boleh berhenti sebulan tetapi ia bersempena memandangkan najis yang perlu dikeluarkan sebaliknya tidak dikeluarkan," ujar beliau.

13/12/2021

HARAKAH

UTARA

H16

MADA Perlis ambil langkah atasi masalah pesawah

Oleh **NOOR SARA
MASHITOH MOHAMAD
HANIF**

KANGAR: Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) mengambil beberapa langkah terutamanya dalam aspek pengurusan air bagi memastikan penanaman padi di Perlis tidak terjejas.

Nurulhisham Yaakob (Simpang Empat-BN) berkata, antaranya memanjangkan sistem pengairan tersier di bawah Projek Pemacu Pertanian (PPP) daripada 18 meter kepada 30 meter bagi meningkatkan kepadatan infrastruktur.

"Sebanyak 12 blok pengairan juga telah dan sedang dibangunkan dengan sistem

pengairan tersier di negeri ini bagi tempoh 2011 sehingga penghujung tempoh Rancangan Malaysia Ke 12 (RMK-12) manakala empat blok pengairan lagi akan dibangunkan dalam tempoh RMK-13," katanya pada sidang Bajet 2022 di Dewan Undangan Negeri (Dun) Perlis Selasa, 7 Disember lalu.

Penjelasan itu juga untuk menjawab soalan lisan yang kemukakan oleh Mohd Shukri Ramli (Sanglang-PAS) berkenaan hal terbabit ekoran hampir setiap tahun para pesawah di negeri ini mengalami kerugian apabila ditenggelami air menyebabkan padi menjadi rosak.

Selain itu ujannya lagi, pihaknya juga turut melakukan sanakan penyelenggaraan

memohon kerajaan memberi penekanan kepada penyelenggaraan daripada ditambah sistem saliran yang menyebabkan masalah yang sama akan berulang lagi.

"Sistem pengairan yang ada sudah banyak, tetapi malangnya penyelenggaraan tidak berlaku akhirnya menyebabkan berlaku limpahan air akibat dari hujan, mengakibatkan pengaliran air tidak begitu lancar.

"Hal itu menyebabkan bedakunya takungan air di kawasan sawah yang menyebabkan padi menjadi busuk dan rosak," tambah beliau.

Nurulhisham yang juga Exco Pertanian berkata pihaknya mengambil maklum

perkara ini dan mengemukakan peruntukan kepada kerajaan pusat bagi menambak baik sistem penyelenggaraan.

"Tahun 2021 adalah tahun yang kurang baik bagi kawasan MADA kerana peruntukan dikurangkan oleh kerajaan Pusat.

"Peruntukan yang kita peroleh sebanyak RM20 juta tetapi hanya diluluskan RM5 juta. Jadi saya harap peruntukan untuk aktiviti penyelenggaraan ini dapatlah ditambah dari masa ke semasa," jelasnya.

Terkini, pada 22 November lalu hampir 6,000 hektar tanaman padi di bawah MADA di Kedah dan Perlis rosak akibat banjir serta melibatkan 2,759 pesawah.



Adun Guar Sanji, Mohd Ridzuan Hashim bangkit bertanyakan soalan.

ke atas infrastruktur pengaliran di kawasan sawah padi MADA melibatkan kerja seperti pembersihan saluran air, pemuliharaan dan pengubahsuaian struktur, penyelenggaraan jalan ladang dan sebagainya.

Hal yang sama juga diutarakan oleh Mohd Ridzuan Hashim (Guar Sanji-PAS) berikutan kawasan pertanian (sawah padi) di sekitar Dunnya menghadapi masalah yang sama.

Beliau (Adun Guar Sanji)

Headline	Agrobank tawar kemudahan biayai pertanian bandar		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	82,252
Page No	37	Readership	246,756
Language	Malay	ArticleSize	432 cm ²
Journalist	Oleh Hazwan Faisal Mohamad	AdValue	RM 14,360
Frequency	Daily	PR Value	RM 43,079



Agrobank tawar kemudahan biayai pertanian bandar



Pelbagai produk, inisiatif disedia berteraskan 4 IR bantu petani, pengusaha mikro

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@mediaprima.com.my

Agrobank menawarkan pelbagai produk dan inisiatif berteraskan Revolusi Industri 4.0 (4 IR) dalam menyokong modenisasi pertanian termasuk pertanian berkonsepkan teknologi pintar seperti penggunaan dron, internet bendaan (IoT) dan pertanian bandar.

Penanggung Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar, berkata Agrobank sentiasa komited dalam mendukung aspirasi negara untuk memajukan sektor pertanian khususnya menerusi pembangunan teknologi pertanian.

Katanya, sejak penubuhan Agrobank pada 1960, sudah menjadi nadi kami untuk terus membantu dan memberi sokongan kepada komuniti pertanian termasuk daripada aktiviti pertanian hulu dan hiliran berskala kecil, sederhana dan besar.

"Ini bagi memastikan jaminan bekalan makanan negara mencukupi, sekali gus meningkatkan produktiviti hasil pertanian.

"Menyedari akan kepentingan teknologi dalam memacu sektor pertanian negara, Agrobank menawarkan pelbagai produk dan inisiatif berteraskan 4 IR dalam menyokong modenisasi pertanian termasuk pertanian berkonsepkan teknologi pintar seperti penggunaan dron, IoT dan pertanian bandar," katanya kepada *BH* menerusi e-mel baru-baru ini.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) memperkenalkan model pertanian pintar yang boleh dilaksanakan dalam skala kecil, sederhana atau besar sebagai strategi meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara,

bermula tahun depan.

Model pertanian secara tertutup menggunakan sistem rumah perlindungan hujan, mengguna pakai sistem pengairan dan pembajaan secara automasi melalui kawalan berkomputer atau aplikasi IoT, pencahayaan LED, pengkawasan dingin dan hidroponik bertingkat.

Difahamkan modal untuk menyediakan pertanian berskala kecil dilengkapi dengan sistem asas serendah RM10,000, bergantung saiz kawasan dan rumah perlindungan hujan.

Mengulas lanjut Khadijah berkata, seperti diumumkan ketika sesi pembentangan Bajet 2022 baru-baru ini, Agrobank akan terus memainkan peranannya dalam pembangunan sektor mikro dengan memperuntukkan pembiayaan mikro RM250 juta pada ka-

dar sifar peratus bagi tempoh enam bulan pertama berserta kemudahan moratorium sehingga enam bulan.

Katanya, selepas peruntukan RM250 juta itu habis diguna sepenuhnya, pengusaha mikro masih boleh menikmati pembiayaan mikro Agrobank dengan kadar keuntungan serendah 3 peratus.

"Kami turut menawarkan pelbagai produk pembiayaan lain bagi tujuan sama seperti Machinery & Equipment Financing-i (MAEF-i), iaitu kemudahan pembiayaan bagi pembelian mesin dan peralatan pertanian khusus untuk menyokong garapan teknologi dalam sektor ini.

"Kami juga mempunyai pelbagai program dengan kerjasama syarikat berteraskan pertanian untuk membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan B40 menceburi bidang pertanian yang bermatlamat untuk meningkatkan hasil, mempelajari proses pertanian, menjana pendapatan dan peluang pembiayaan yang lebih baik," katanya.

Pertanian bandar juga antara pilihan bagi menangani isu kenaikan harga susulan kekangan bekalan disebabkan faktor cuaca serta kerosakan tanaman petani di Cameron Highlands.

Selain itu, bekalan sayur import berkurangan kerana pengeksport alami musim sejuk melampau.

Agrobank sentiasa komited dalam mendukung aspirasi negara untuk majukan sektor pertanian khususnya menerusi pembangunan teknologi pertanian



Khadijah Iskandar,
Penanggung Tugas Presiden dan
Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank

AGRICULTURAL SECTOR

AGROBANK READY TO AID RECOVERY EFFORTS

It will intensify distribution of government funds to target groups, among others

FARAH ADILLA
KUALA LUMPUR
bf@nst.com.my

AGROBANK is now more prepared to face the next crisis and better equipped to support recovery efforts in the agricultural sector, said covering president and chief executive officer Khadijah Iskandar.

"The Covid-19 pandemic has taught us to be resilient. We have continued to craft programmes to ensure customers' business continuity and stability during difficult times.

"We are confident that we can weather that situation again," she said at a virtual media briefing recently.

Khadijah said Agrobank would emphasise on facilitating economic recovery and generating value through five key initiatives next year.

They include economic recovery, which will be fuelled by

Agrobank through intensified distribution of government funds to target groups and sub-sectors, development of new revenue drivers and driving green and sustainability initiatives.

The bank will also focus on digitalisation to enhance value proposition and improve organisational productivity and cost management to sustain increased investments into strategic capabilities.

"For example, when we talk about the key initiative on economic recovery, we expect to work towards higher growth focus to address the needs of the National Agro-Food Policy 2.0 and support higher scale of mechanisation in line with the Fourth Industrial Revolution."

Khadijah said Agrobank looked forward to further strengthening

its businesses and exploring new ventures next year by establishing revenue drivers and developing business verticals.

The bank recorded a financing income of RM510 million for the third quarter ended Sept 30, an increase of 2.2 per cent from RM499 million in the corresponding quarter last year.

"For next year, we are also looking at improving our collaboration in higher impact projects and with strategic partners through the Agrobank Centre of Excellence (ACE). We also intend to intensify our approach in managing vulnerable credits.

"Beyond financial assistance, we will continue to meet the changing needs of our customers through the ACE, which provides business knowledge and financial management guidance via online courses, webinars and special programmes to help customers to restart and flourish in their businesses," added Khadijah.



Khadijah Iskandar



Agrobank says it will also focus on digitalisation to enhance value proposition and improve organisational productivity and cost management to sustain increased investments into strategic capabilities. FILE PIC

Lima inisiatif utama Agrobank

Kuala Lumpur: Agrobank menyasarkan untuk menambah baik kemudahan pemulihan ekonomi dan penjanaan nilai menerusi lima inisiatif utama pada 2022 bagi mengukuhkan sektor pertanian di Malaysia.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutifnya, Khadijah Iskandar berkata, bank itu merancang untuk mengukuhkan perniagaannya dan meneroka usaha niaga baharu dengan mewujudkan pemacu hasil dan mengembangkan sasaran ke pasaran yang lebih kompetitif dan berdaya saing.

"Adaptasi pada 2021 meletakkan Agrobank dalam keadaan lebih bersedia menghadapi krisis serta lebih lengkap untuk menyokong usaha pemulihan ekonomi dalam sektor pertanian. Oleh itu, bank juga akan menumpukan untuk menjana nilai pelanggan yang berdepan kesukaran sepanjang pandemik.

"Pandemik ini mengajar kami untuk bertahan dan terus membangunkan program dan inisiatif yang bersesuaian bagi memastikan kelangsungan dan kestabilan perniagaan mereka. Sekiranya situasi ini berulang, kami yakin akan mampu menghadapinya,"



KHADIJAH

katanya dalam kenyataan.

Lima inisiatif utama itu akan memfokus kepada pemulihan ekonomi yang akan dijana Agrobank menerusi pengagihan dana kerajaan yang diperhebat kepada kumpulan sasaran dan subsektor tertentu, membangunkan pemacu pendapatan baharu dan memacu inisiatif hijau dan mampan.

Inisiatif itu juga membolehkan pendigitalan untuk meningkatkan cadangan nilai dan produktiviti organisasi dan pengurusan kos untuk mengekalkan peningkatan pelaburan ke dalam keupayaan strategik.

Headline	Bantu 250,000 lepasan SPM yang tercicir cari kerja		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	13 Dec 2021	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	107,609
Page No	8	Readership	322,827
Language	Malay	ArticleSize	387 cm ²
Journalist	JUANIMUNIR ABU BAKAR dan MUHAMMAD	AdValue	RM 15,886
Frequency	Daily	PR Value	RM 47,658



Bantu 250,000 lepasan SPM yang tercicir cari kerja

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR**
dan **MUHAMMAD ZIKRI**
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Lulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang tercicir untuk meneruskan pengajian peringkat tinggi perlu diberikan peluang kedua sama ada melalui Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) atau pendidikan tidak formal.

Presiden Majlis Belia Malaysia (MBM), Jufitri Joha berkata, kerajaan juga perlu membuat kajian menyeluruh berhubung perkara itu agar keciciran pelajar dapat diatasi oleh kerajaan dengan tuntas.

"MBM menyarankan pemimpin belia mengenalpasti pelajar tercicir ini di seluruh Malaysia untuk diberikan semangat dan bimbingan semula untuk mereka kembali masuk dalam arus pendidikan," katanya ketika dihubungi.

Beliau mengulas kenyataan Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan yang mahu kerajaan memikirkan nasib kira-kira 250,000 pelajar lepasan SPM yang tidak mampu untuk



AHMAD Maslan (empat dari kanan) menyampaikan hadiah kepada penerima Anugerah Bella Cemerlang Parlimen Pontian di Dewan Muafakat Kampung Sungai Pinggan di Benut, Pontian. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

meneruskan pengajian mereka ke peringkat lebih tinggi.

Menurutnya pada majlis penyampaian Anugerah Bella Cemerlang (ABC) Parlimen Pontian 2021 di Benut, Pontian, golongan itu perlu diberikan latihan dalam bidang teknikal dan vokasional mahupun keusahawanan bagi membantu mereka

memperoleh kerjaya lebih baik dan tidak menjadi penganggur atau mendapat pekerjaan dengan gaji yang hanya sekadar cukup makan.

"Isu ini perlu dilihat bukan sahaja oleh Kementerian Pendidikan tetapi Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan dan Koperasi,

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dan sebagainya.

"Setiap tahun dianggarkan hampir 400,000 lepasan SPM menamatkan pembelajaran mereka tetapi tidak semua mampu menyambung pelajaran di tingkatan enam, diploma atau ijazah sarjana muda," katanya.

13 DEC, 2021

Seragam harga, pantau bekalan barangan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 1 of 2

Seragam harga, pantau bekalan barangan

PETALING JAYA: Kerajaan perlu menyeragam harga barangan dan pemantauan bekalan barangan di seluruh negara bagi membendung kenaikan harga yang semakin membebankan rakyat.

Tinbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, penyeragaman harga barangan di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak dapat meringankan beban rakyat serta mengawal kadar harga barangan di kedua-dua negeri berkenaan.

"Kita masih melihat harga barang keperluan di Sabah dan Sarawak lebih tinggi berbanding di Semenanjung bagi menampung kos pengangkutan dan penghantaran ke sana kerana kawasan Sabah dan Sarawak yang besar," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Bagi Presiden Lembaga Pelindungan dan Kebajikan Pengguna Malaysia (LPKPM), Dr. Lee Nan Sang, kerajaan perlu memantau bekalan barangan agar bagi



BEKALAN barangan berterusan menjamin kestabilan harga di pasaran.

menyelak keputusan bekalan.

"Bekalan barangan yang berterusan menjamin kestabilan harga. Misalnya harga minyak masak bersubsidi yang

sentiasa menjadi isu kerana bekalan yang berputus-putus terutama minyak paket satu kilo yang bersubsidi.

"Bekalan atau pengeluaran

oleh pekilang minyak masak yang sama, mengapa ia boleh menjadi kekosongan bekalan?" scalnya.

Jelasnya, agensi kerajaan atau pihak berkuasa sepatutnya

mempunyai sistem pengesanan bagi memantau di hujung mana berlakunya kelemahan dan masalah menyebabkan kekurangan bekalan di pasaran runcit.

Tambahnya, Lembaga Pem pasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) perlu memantau bekalan tanaman selain memastikan bekalan semua jenis sayur-sayuran di pasaran sentiasa terjamin.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, sebanyak 41 inisiatif dengan peruntukan RM14.32 bilion dalam Bajet 2022 bagi menstabilkan harga barang dan kos sara hidup rakyat akan dipantau secara langsung oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL).

Sementara itu, Ketua Aktivis Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM), Datuk Nadzim Johan berkata, kerajaan perlu mengkaji semula dasar-dasar serta polisi yang ada.

"Polisi dan dasar-dasar yang ada sudah tidak sesuai dengan zaman sekarang. Sudah berapa dekad berlalu, polisi dan dasar masih sama," katanya.



13 DEC, 2021

Seragam harga, pantau bekalan barangan

Utusan Malaysia, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

PETALING JAYA: Kerajaan perlu menyeragam harga barangan dan pemantauan bekalan barangan di seluruh negara bagi membendung kenaikan harga yang semakin membebankan rakyat. Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Mohd. Yusof Abdul Rahman berkata, penyeragaman harga barangan di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak dapat meringankan beban rakyat serta mengawal kadar harga barangan di kedua-dua negeri berkenaan.

13 DEC, 2021

Berniaga secara percuma di Platinum Mall

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Wan Mohamed Kasbi (lima dari kiri) bersama peniaga kecil pada majlis penyerahan kunci niaga di Platinum Mall, Kota Bharu pada Ahad.



Berniaga secara percuma di Platinum Mall

KOTA BHARU - Peniaga kecil di negeri Kelantan diberi peluang berniaga secara percuma selama sebulan di Platinum Mall di sini yang merupakan salah satu gedung mewah di negeri ini.

Peluang itu diberikan oleh Tekun Corporation Sdn Bhd dalam usaha merancakkan semula ekonomi peniaga kecil serta memperkenalkan gedung tersebut kepada penduduk Kelantan.

Seorang peniaga, Roslan Mustafa, 52, berkata, dia sangat teruja selepas diberikan peluang untuk berniaga di kawasan tersebut yang disifatkan cukup selesa dan strategik.

"Sebelum ini, saya berniaga di pasar tani dan sejak Covid-19 perniagaan merosot.

"Saya hanya bergantung kepada perniagaan melalui *online* di Facebook dan WhatsApp, namun bila dapat peluang berniaga di Platinum Mall saya terus membuat keputusan untuk mencubanya," katanya pada Majlis Penyerahan Kunci Niaga Platinum Mall di sini pada Ahad.

Penyerahan kunci kepada peniaga itu disempurnakan oleh Pegawai Eksekutif Tekun Corporation Sdn Bhd Kelantan, Wan Mohamed Kasbi Wan Mahmood.

Roslan berkata, peluang tersebut direbut bagi membuka lembaran baharu dalam hidupnya selepas tidak dapat berniaga di pasar tani seperti sebelum ini.

Seorang lagi peniaga, Sajid Hassan, 49, berkata, dia akan

menggunakan peluang yang ada ini sebagai tempoh percubaan untuk menguji kemampuan pasaran di sini.

"Sebelum ini, saya berniaga di Wakaf Che Yeh, jadi dengan ruang yang lebih selesa itu akan dimanfaatkan sebaik mungkin untuk mencuba nasib di Platinum Mall," katanya.

Sementara itu, Wan Mohamed Kasbi berkata, gedung tersebut sudah dibuka pada tahun 2019 lalu, namun terpaksa ditutup akibat penularan Covid-19.

"Setakat ini, 70 peniaga kecil sudah bersetuju untuk berniaga di sini dan kita akan perhebatkan lagi promosi dalam membantu merancakkan lagi jualan di Platinum Mall," katanya.



13 DEC, 2021

Berniaga secara percuma di Platinum Mall

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KOTA BHARU - Peniaga kecil di negeri Kelantan diberi peluang berniaga secara percuma selama sebulan di Platinum Mall di sini yang merupakan salah satu gedung mewah di negeri ini. Peluang itu diberikan oleh Tekun Corporation Sdn Bhd dalam usaha merancakkan semula ekonomi peniaga kecil serta memperkenalkan gedung tersebut kepada penduduk Kelantan. Seorang peniaga, Roslan Mustafa, 52, berkata, dia sangat teruja selepas diberikan peluang untuk berniaga di kawasan tersebut yang disifatkan cukup selesa dan strategik.

Laksana pelbagai program kurangkan beban rakyat

+ Dari Muka 1

Bellau yang juga Ahli Parlimen Bera berkata, setakat ini, difahamkan terdapat 1,500 koperasi seluruh negara yang dapat memudahkan rakyat mendapatkan barangan keperluan asas pada harga murah, dan ia antara 'sumbangan' koperasi untuk bersama kerajaan dalam menaungi isu kenaikan harga barang.

Kerajaan, tegas Ismail Sabri ketika sedang melaksanakan pelbagai usaha, termasuk Program Jualan Keluarga Malaysia (PJKM) di semua 222 kawasan Parlimen bagi menyediakan barangan keperluan asas pada harga murah, selain pemberian subsidi kepada pekebun dan penterangan untuk memastikan harga barangan segar dapat dikawal walaupun berlaku kenaikan harga, beja, racun dan makanan ternakan haiwan termasuk ayam.

Selain itu, untuk menstabilkan harga ayam yang meningkat secara mendadak, Ismail Sabri berkata, kerajaan mengambil langkah mengimport ayam dari China dan Thailand, namun kekal apabila ada pihak yang membuat 'cerita tidak betul' tanpa usul periksa, mengenai status halal ayam berkenaan.

Tegas Perdana Menteri, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) mempunyai prosedur operasi standard (SOP) yang ketat dalam pemberian status halal dan ayam diimport itu sudah mendapat kelulusan badan agama tersebut dan tidak perlu diragui.

"Sebelum kelulusan halal di-

berikan, JAKIM akan ke tempat itu untuk membuat pemeriksaan terlebih dahulu.

"Selepas dipastikan halal, beralah cop (logo) halal dikeluarkan, halal ini bukan hanya dari sudut sembelihan, namun banyak aspek lain dinilai termasuk kebersihan.

"Untuk proses halal, ia turut melibatkan aspek pengangkutan, iaitu tidak boleh bercampur dengan barang yang tidak halal. Sampai ke tahap itu kita pastikan halalnya kerana ini bukan isu yang boleh dibuat main," katanya.

Berkongsi pengalamannya sebagai Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Ismail Sabri berkata, beliau pernah mencadangkan import daging dari sebuah negara Islam bagi membantu negara yang dikategorikan sebagai miskin itu, namun cadangan itu dibatalkan selepas semakan JAKIM mendapati aspek kebersihan tidak dipatuhi walaupun sembelihan ternakan menepati rukun dan syarat dalam Islam.

Sehubungan itu, beliau menegaskan orang ramai agar tidak bimbang dengan status halal ayam yang diimport kerana produk berkenaan sudah disemak dan diteliti termasuk oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) yang mengesahkan semua loji memproses ayam masih sah dan diiktiraf JAKIM.

Sementara itu, berucap pada majlis lain, Perdana Menteri berkata, harga barang yang meningkat kini dijangka kembali stabil awal tahun depan selepas lebih



Ismail Sabri bersama Pengurus Besar Cawangan Pantai Timur Econsave, Toh Sharin (kanan) menunjukkan harga ayam yang dijual pada Program Jualan Keluarga Malaysia di Jalan Centre Triang, Bera, semalam. (Foto BERNAMA)

banyak negara mula membuka sektor ekonomi masing-masing. Ismail Sabri berkata, sekatan pergerakan turut dialami oleh negara luar yang mengeksport produk makanan kepada Malaysia sekali gus mengakibatkan penawaran berkurangan.

"Kita ternak ayam, tetapi makanan ayam datang dari luar, begitu juga dengan baja dan racun yang diimport dari luar. Apabila barang sedikit, permintaan banyak, tentu saja akan menyebabkan harga naik.

"Saya percaya keadaan ini akan beransur pulih apabila sektor ekonomi masing-masing dibuka dan pengeluaran kembali

hingga 50 peratus, selain kita juga beri insentif dan subsidi racun kepada petani," katanya.

Beliau berkata, pelbagai program dan projek akan terus dilaksanakan kerajaan dalam usaha menjaga kepentingan serta keajikan rakyat bagi mengurangkan beban mereka.

Kementerian Pembangunan Luar Bandar juga menerima peruntukan tambahan RM500 juta bagi meningkatkan infrastruktur di kawasan luar bandar.

"Peruntukan itu ditambah bagi memastikan penduduk luar bandar turut menerima faedah andarnya kemudahan dari segi jalan kampung dan sebagainya," kata Perdana Menteri.

Program anjuran Pemuda UM-NO Bera itu disertai kira-kira 350 kanak-kanak berumur antara lima dan 12 tahun yang dikhatamkan secara pertama dengan setiap peserta menerima topi keledar sebagai cenderahati.

Mengulas mengenai program itu, Ismail Sabri berkata, program seumpama itu menerapkan konsep Keluarga Malaysia yang dapat mengeratkan hubungan pelbagai bangsa apabila ia turut disertai kaum Cina dan India.

Perdana Menteri juga meluangkan masa meninjau harga barang di PJKM yang berlangsung di Jalan Centre Triang, di sini.

Ismail Sabri meluangkan masa lebih setengah jam bertanya khabar dan beramah mesra bersama pengunjung serta peniaga yang mengambil bahagian dalam program itu, selain berkunjung ke gerai jualan. BERNAMA

13/12/2021

SINAR HARIAN

34

NEGERI
KELANTAN

Kerjasama Kumpulan
Pertanian Kelantan
Berhad dengan PPK
bantu pasaran
hasil pertanian

Perintis Pemasaran Hasil Tani tingkat pendapatan petani

Oleh ADILA SHAUINI WAHID

BACHOK

Pendapatan petani di Kelantan dijangka meningkat antara 15 sehingga 20 peratus menerusi kerjasama antara Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) dengan Perubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kuala Langat, Selangor yang terjalin di Pusat Latihan Pertanian Al-Falah KPKB di sini pada Ahad.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kerjasama melalui Program Perintis Pemasaran Hasil Tani itu bertujuan membantu petani memasarkan hasil tanaman mereka ke luar Kelantan khususnya Selangor.

Katanya, kerajaan Kelantan

menyalurkan peruntukan sebanyak RM100,000 bagi menampung kos logistik untuk proses pengangkutan dan penghantaran hasil tanaman dalam program kerjasama ini.

"Petani tidak boleh mendapatkan pulangan yang baik sekiranya tidak dapat memasarkan hasil tanaman mereka dengan sempurna.

"Jadi, ini adalah salah satu usaha untuk membantu petani menyelesaikan isu pemasaran kerana kami terima aduan mereka tidak dapat memasarkan hasil tanaman," katanya selepas Majlis Dialog Khas Petani pada Program Perintis Pemasaran Hasil Tani di Pusat Latihan Pertanian Al-Falah, KPKB di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pengurus Besar PPK Kuala Langat, Selangor, Mohd Shahrin Shamsudin dan Pengurus Besar KPKB, Mohd Mukhlis Mukhtar.



Tuan Mohd Saripudin (tiga dari kanan) melihat tanaman sayur timun yang dihasilkan oleh petani di Bachok pada Ahad.

Tuan Mohd Saripudin berkata, menerusi kerjasama tersebut, PPK Kuala Langat, Selangor akan membantu para petani Kelantan untuk memasarkan tanaman berpotensi dan

mendapat permintaan seperti cili, timun, terung serta labu.

"Pada peringkat pertama seramai 30 petani akan menyertai program ini dengan lebih 100 tan hasil tanaman yang akan di-

eksport ke Selangor.

"Logistik diuruskan oleh Kumpulan Fertigasi Hijau Wilayah Timur manakala proses pemasaran hasil tanaman itu ke pasar raya atau kilang-kilang akan dilakukan oleh PPK Kuala Langat," katanya.

Tambah beliau, sektor pertanian Kelantan menjadi penyumbang kedua terbesar Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dengan peruntukan RM20 juta setahun daripada kerajaan negeri dan ditambah oleh kerajaan Pusat.

"Walaupun dalam tempoh pandemik, jumlah pengeluaran tahun lalu meningkatkan 23 peratus berbanding 19 peratus pada tahun sebelumnya.

"Petani digalakkan menyertai program ini dan menyusun jadual penanaman yang baik supaya tidak berlaku lambakan atau pengurangan hasil yang boleh menjejaskan harga," katanya.

Pentadbiran di Siburan, Gedong, Sebuyau, Lingga dan Pantu bakal dinaik taraf

Lima daerah baharu diwujudkan

Oleh RIDZAUDDIN ROSLAN

SIMUMJAN - Lima kawasan di negeri ini dinaik taraf sebagai daerah baharu dalam usaha kerajaan memantapkan lagi penyampaian perkhidmatan lebih berkesan kepada penduduk Sarawak.

Daerah baharu itu melibatkan kawasan Siburan di bahagian Serian, Gedong dan Sebuyau di Samarahan serta Lingga dan Pantu di Sri Aman.

Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abang Johari Abang Openg berkata, pembentukan lima daerah baharu itu dilaksanakan kerajaan negeri berdasarkan kajian terperinci yang telah dibuat sebelum ini.

"Bagi memantapkan perkhidmatan kepada rakyat, kerajaan negeri melaksanakan kajian mengenai kebolehlaksanaan untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Maka lima pusat daerah baharu diwujudkan meliputi bahagian Samarahan, Serian dan Sri Aman," katanya ketika berucap menyempurnakan Majlis Pelancaran Gedong sebagai daerah baharu di sini semalam.



ABANG JOHARI (empat dari kanan) ketika melancarkan Gedong sebagai sebuah daerah di Simunjan semalam.

Sarawak mempunyai 40 daerah yang terletak dalam 12 bahagian pentadbiran.

Sementara itu, mengulas mengenai Gedong yang dinaik taraf sebagai sebuah daerah,

Abang Johari berkata, kawasan itu bakal mempunyai infrastruktur dan pentadbiran lebih tersusun.

"Gedong juga akan mempunyai satu pendekatan pembangunan melalui Agensi Pembangunan Wilayah Bersepadu Samarahan (IRSDA) yang berperanan membangunkan daerah-daerah di Samarahan termasuk di Gedong.

"Maka Gedong bakal menjadi kawasan pinggir bandar seterusnya menjadi bandar satelit yang memiliki rangkaian jalan raya menghubungkan Samarahan dan Kuching," jelas beliau.

Pada Pilihan Raya Negeri Sarawak kali ini, Abang Johari akan bertanding di Dewan Undangan Negeri (DUN) Gedong sebagai calon Gabungan Parti Sarawak (GPS).

Sebelum ini, Pengerusi GPS itu bertanding di kerusi DUN Satok sebanyak sembilan kali.

Beliau ditentang calon daripada Parti Sarawak Bersatu (PSB), Mohamad Sofian Fariz Sarbini; Parti Amanah Negara (Amanah), Kamal Bujang dan Parti Bumi Kenyalang (PBK), Tomson Ango.

Usahawan tani manfaat kelebihan dron

BACHOK: Kumpulan Per-tanian Kelantan Berhad (KPKB) menganjurkan kur-sus membabitkan belia dan usahawan tani bertujuan mewujudkan perintis Usa-hawan Tani Revolusi ke-4 (IR 4.0) berdasarkan keper-luan teknologi moden dan automasi.

Program tersebut berja-ya melibatkan 15 peserta bertauliah 'Agriculture Pi-

lot Drone (APD)' yang men-guasai ilmu dan kemahi-ran pertanian moden dan berteknologi tinggi. Ia seka-li gus menjadi pementang kerjaya pada masa akan datang.

Anggota Exco kerajaan Kelantan, Tuan Mohd Sari-pudin Tuan Ismail berka-ta kepentingan dron dalam pertanian terutamanya pe-nanaman padi boleh melak-

sanakan kerja berkonsep-kan pertanian pintar (*Smart Farming*) dan pertanian Te-pat (*Precision Farming*).

"Kursus meliputi pen-getahuan tentang katego-ri dron, urdang-undang berkaitan penerbangan, ke-selamatan, pengendalian dan sekeliling, penyelengg-araan dron serta amali ke-mahiran pengendalian dron dalam industri pertanian

terutama tanaman padi.

"Semoga kursus tersebut dapat meningkatkan hasil pendapatan petani di samp-ing membuka peluang be-kerja kepada golongan be-lia dalam sektor pertanian moden," katanya pada maj-lis perasmian penutup di Pusat Latihan Pertanian Al-Falah, Kompleks Pertanian Bersepadu KPKP, Tawang Khamis lepas. - UPKN



Tunjuk ajar cara-cara mengendalikan dron.



Latihan menggunakan dron secara teori.

13/12/2021

HARAKAH

USAHA NIAGA

26

USAHA NIAGA

Tiga siswazah jual sayur bantu petani, masyarakat

KUANTAN - Membantu pekebun memasarkan hasil pertanian sekali gus membolehkan masyarakat mendapatkan sayur segar pada harga murah, menjadi pegangan tiga siswazah universiti ini ketika mula berjinak-jinak dalam bidang pertanian pada awal tahun lepas.

Untuk itu, Muhammad Naqib Azam, 34, bersama dua rakan sebayanya Mohd Syamim Aizat Zaki, dan Muhammad Zaid Zuhri, bersetuju supaya keuntungan purata sayur-sayuran jualan mereka ditetapkan di bawah 50 sen sekilogram.

Sebagai contoh, Muhammad Naqib berkata timun yang dibeli daripada pekebun pada harga RM2.70 sekilogram dijual pada harga RM3 sekilogram iaitu lebih murah berbanding RM3.50 yang ditetapkan pada skim kawalan harga.

"Kami berani menjual pada harga begitu kerana tidak perlu melalui pelbagai lapisan memandangkan semuanya dilakukan sendiri daripada mencari pekebun, membina pusat pengumpulan untuk dibungkus sehingga menghantar kepada pembeli.

"Hubungan baik dengan pekebun juga membolehkan kami mendapatkan harga sedikit mu-



Gambar: Hasnan

rah selain niat mahu membantu mereka supaya semua basil kebun dapat dipasarkan tanpa banyak kerenah," kata pemegang Ijazah Sarjana Muda Sains Ternakan Universiti Putra Malaysia (UPM) itu, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditemui di Taman Kekal Pengeluaran Makanan Projek Fertigasi Inderapura, di sini, yang menjadi "pejabat" mereka.

Anak jati Raub itu berkata bagi memastikan harga jualan dapat dikekalkan pada harga murah, mereka juga sepakat tidak mengambil kos pengangkutan secara

berlebihan, malah pernah menyepak kos tersebut apabila harga sayur sedikit meningkat.

Selain timun, Muhammad Naqib berkata sayuran lain yang dijual seperti lada, bendi dan kacang panjang, bergantung hasil yang boleh diperolehi dari kebun di sekitarnya.

Mengimbangi penglibatan mereka dalam industri pertanian, Mohd Syamim berkata ia bermula semasa pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) apabila melihat ada pekebun tidak dapat memasarkan produk mereka disebabkan

banyak kedai makan ditutup.

"Untuk membantu petani, kami menawarkan diri menjualkan basil kebun mereka pada harga murah supaya sekurang-kurangnya mereka boleh dapat pulangan modal. Disebabkan tiada platform khusus, kami bermula dengan menjual kepada ahli keluarga, jiran dan penduduk taman perumahan.

"Iklan menerusi mulut ke mulut membantu orang ramai mengenali kami selain turut dipromosikan di media sosial termasuk di akaun Facebook 'Dari Kebun' supaya lebih mudah orang ramai menghubungi kami.

"Tanpa diduga kami semakin berminat dalam perniagaan sayur ini, lalu menubuhkan syarikat SZ Sayur Trading bagi melancarkan lagi operasi kerana sudah mempunyai pelanggan tetap memandangkan harga kami tawarkan lebih murah berbanding kebanyakan tempat," katanya.

Sejak bergelar 'saudagar sayur' Mohd Syamim, merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Kimia Industri Universiti Malaysia Pahang (UMP) berkata rutin harian mereka bermula seawal 9 pagi dengan mengambil sayur di kebun dan dibawa ke pejabat untuk pengre-

Penghantaran sayur bermula pada 12 tengah hari sebelum mereka bertiga kembali semula ke pejabat pada pukul 3 petang untuk menyambung operasi pembungkusan bagi slot penghantaran sebelah malam yang bermula selepas maghrib dengan tumpuan di pasar raya dan kedai.

Untuk melancarkan operasi, Muhammad Syamim berkata pembeli diwajibkan membuat tempahan sekurang-kurangnya sehari sebelum, supaya sayur yang diambil dalam kuantiti antara 500 kilogram dan satu tan sehari, dapat dihabiskan.

Sementara itu, Muhammad Zaid, yang juga lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian UPM berkata mereka berani terlibat dalam bidang pertanian dan perniagaan selepas mendapat nasihat Pejabat Pertanian Daerah Kuantan.

"Kami juga merancang untuk menanam beberapa jenis sayur di sini, bagi membolehkan kami terus menawarkan harga murah kepada masyarakat. Ini juga boleh sebahagian daripada cabang sedekah yang boleh dilakukan untuk membantu orang ramai," katanya sambil memaklumkan ketiga-tiga mereka bekerja dalam bidang berbeza sebelum PKP. - BNM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/12/2021	SUARA PERAK	ONLINE	-

HARGA BROKOLI TURUN, TERUNG NAIK



Kuala Kangsar, 12 Dis : Harga beberapa jenis sayuran di bandar ini mula turun hingga menjangkau penurunan sebanyak RM5 setiap kilogram (kg).

Penurunan harga berlaku pada sayur brokoli yang kini dijual antara RM14 hingga RM15 sekilogram berbanding RM20 hingga RM21 sekilogram sebelum ini.

Turut mengalami penurunan adalah sayur bunga kobis yang dijual RM18 sekilogram berbanding RM23 sebelum ini.

Peniaga pasar tani Kuala Kangsar, Nurliyana Mohd Yunus berkata, bagaimanapun masih terdapat harga sayuran yang seperti terung, lobak merah, sawi, daun sup, dan daun bawang sedang naik.

Menurutnya, pemborong mendakwa antara faktor harga mula turun adalah berikutan cuaca yang lebih baik berbanding musim tengkujuh.

“Saya ambil stok sayur di Pasar Borong Ipoh yang mana sebahagian besar sayur yang dikumpul di situ adalah yang dihantar dari Cameron Highlands. Saya perasan stok bekalan sayur di pasar borong itu juga sering berkurangan berbanding sebelum ini.

"Ada kalanya saya terpaksa mengambil stok daripada petani kampung yang mereka kebiasaannya hantar di pasar basah. Harganya agak murah sedikit.

"Bagi sayuran import khususnya yang diambil dari China seperti lobak merah, harganya juga masih tinggi yang mana saya terpaksa jual RM7 sekilogram berbanding RM4 sebelum ini. Begitu juga dengan sayuran yang diimport dari Australia," katanya ketika ditemui hari ini.

Katanya, kenaikan harga bagi terung disifatkan agak mengejutkan dan yang paling tinggi sedang berlaku hinggalah dia terpaksa menjual dengan harga RM12 sekilogram.

Sementara itu, tinjauan di Pasar Besar Kuala Kangsar hari ini mendapati hampir kesemua peniaga mematuhi Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) yang ditetapkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sempena perayaan Krismas kelak. –
HARIAN METRO